

U B218 DEB
MAHATHIR - TRIBUNAL

KUALA LUMPUR, 18 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBIDAS SIKAP SESETENGAH PIHAK YANG MEMPERSOALKAN KOMPOSISI ANGGOTA TRIBUNAL YANG DILANTIK BAGI MENDENGAR KES KETUA HAKIM NEGARA, TUN MOHAMED SALLEH ABAS YANG DIGANTUNG JAWATANNYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KEADAAN ITU BOLEH MEMBURUKKAN IMEJ +JUDICIARY+ NEGARA, SEDANGKAN +ORANG INILAH JUGA YANG KATA NAK JAGA SANGAT IMEJ JUDICIARY.

YANG PENTING IALAH MENENTUKAN SAMA ADA PIHAK KEHAKIMAN (JUDICIARY) DI NEGARA INI LAYAK ATAU TIDAK LAYAK; KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL (BN) DI MENARA DATO ONN PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI HARI INI.

+ADA SESETENGAH PIHAK MEMBAHAGI-BAHAGIKAN +JUDICIARY+ ITU KEPADA ORANG YANG MIRIP KEPADA ITU ATAU MIRIP KEPADA INI, DAN MEREKA JUGA BERKATA BAHAWA ORANG INI TAK LAYAK, ORANG INI LAYAK. JADI ADA PULA KATEGORI HAKIM YANG BAIK DAN TIDAK BAIK,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA DITANYA MENGENAI ADANYA SESETENGAH PIHAK YANG TIDAK BERPUAS HATI DENGAN KOMPOSISI KEANGGOTAAN TRIBUNAL ITU YANG DIPENGERUSIKAN OLEH HAKIM BESAR MALAYA TAN SRI HAMID OMAR. -- LAGI

1645MST 18 06 88

U B220 DEB
MAHATHIR - TRIBUNAL 2 KUALA LUMPUR

+SIAPA YANG TIDAK ADA +CONFLICT OF INTEREST+. KALAU TIDAK ADA ORANG DI ATAS, YANG DI BAWAH AKAN NAIK (MOVE UP),+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PENGERUSI EN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KEANGGOTAAN TRIBUNAL ITU AKAN DIUBAH, BELIAU BERKATA: +ANDA TIDAK BOLEH MEMUASKAN HATI ORANG.+

BELIAU BERKATA, ADALAH TIDAK MUNASABAH ORANG RAMAI MEMILIH HAKIM UNTUK MENDENGAR KES MEREKA SENDIRI KERANA +JIKA INI BERLAKU, MAKA PERBICARAAN KITA AKAN BERMULA DENGAN YANG TERTUDUH ITU HENDAK MENENTUKAN SIAPA MENJADI HAKIMNYA.+

SELAIN TAN SRI HAMID, LIMA ANGGOTA YANG DILANTIK OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG IALAH HAKIM BESAR BORNEO TAN SRI LEE HUN HOE, KETUA HAKIM SRI LANKA ENCIK K.A.P. RANASINGHE, HAKIM KANAN MAHKAMAH AGUNG SINGAPURA ENCIK T.S. SINNATHURAY, HAKIM BERSARA MAHKAMAH PERSEKUTUAN TAN SRI ABDUL AZIZ ZAIN DAN HAKIM BERSARA MAHKAMAH TINGGI TAN SRI ZAHIR ISMAIL.

TRIBUNAL ITU DITUBUHKAN MENGIKUT PERKARA 125 (3) DAN (4) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAGI MENYIASAT DAN MEMBUAT SYOR KEPADA SERI PADUKA SAMA ADA TUN MOHAMED SALLEH PERLU DITAMATKAN JAWATANNYA SEBAGAI KETUA HAKIM NEGARA KERANA KELAKUANNYA ATAU ATAS SEBAB-SEBAB LAIN YANG MENUNJUKKAN BELIAU TIDAK DAPAT MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN SEMPURNA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU NEMAKLUMKAN KEPADA MESYUARAT MENGENAI PENUBUHAN TRIBUNAL ITU. -- BERNAMA

1650MST 18 06 88

R 0237 400
TRIBUNAL-TARIKH 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA AWAL) R R R

SEMENTARA ITU, MAJLIS PEGUAM MALAYSIA HARI INI MELULUSKAN ENAM RESOLUSI, SALAH SATU DARIPADANYA MENCADANGKAN PENUBUHAN SEBUAH JAWATANKUASA TETAP BAGI MEMBANTU TUN SALLEH DAN PARA PENASIHAT UNDANG-UNDANG BELIAU MENGHADAPI TRIBUNAL ITU.

RESOLUSI-RESOLUSI ITU DILULUSKAN SELEPAS MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA SELAMA TIGA JAM YANG DIHADIRI OLEH 751 ORANG AHLI.

NAIB Pengerusi Majlis itu, S. THEIVANTHIRAN BERKATA JAWATANKAUASA ITU MENGANDUNGI DARI 13 BUAH NEGERI DAN AKAN MENELITI DAN MENGUMPUL MAKLUMAT, BERITA DAN BAHAN PERUNDANGAN BERTHUBUNG DENGAN +KEPUPUSAN KEMERDEKAAN PIHAK KEHAKIMANA BARU-BARU INI+.

MAJLIS ITU JUGA BERSETUJU MENGARAHKAN PEGUAM, DENGAN KEBENARAN TRIBUNAL, MEMERHATI BAGI PIHAK MAJLIS DAN MEMBERI BANTUAN YANG DIPERLUKAN OLEH TRIBUNAL. ---BERNAMA

1800MST 18 06 88